

## SURAT PERJANJIAN OPERASI PTS, DPS/DPL DAN PMGB

PERJANJIAN INI DIPERBUAT pada \_\_\_\_\_ DI ANTARA Pengarah RISDA Negeri/ Pegawai RISDA Daerah/ Pegawai RISDA Jajahan/ Pegawai RISDA Bahagian yang beralamat di \_\_\_\_\_ (selepas ini disebut sebagai "**Pihak Pertama**") di satu pihak dan KPK/ Syarikat Milikan RISDA/ TSB/ Pengusaha \_\_\_\_\_ beralamat di \_\_\_\_\_ (selepas ini disebut sebagai "**Pihak Kedua**") bagi satu pihak lainnya.

BAHAWASANYA:

- A. Pihak Pertama adalah pemilik Pusat Timbang Stor dan DPS/DPL yang beralamat di \_\_\_\_\_. (selepas ini dirujuk sebagai "**Premis**" tersebut).
- B. Pihak Pertama bersetuju untuk menyerahkan premis tersebut dan memberi kuasa untuk menjalankan aktiviti pemasaran hasil sawit/getah kepada Pihak Kedua tertakluk kepada terma dan syarat yang diperuntukan di dalam perjanjian ini.

MAKA ADALAH DENGANINI DIPERSETUJUI SEPERTI BERIKUT:

1. Pihak Pertama telah bersetuju memberi kuasa menjalankan aktiviti pemasaran hasil sawit/getah kepada Pihak Kedua.
2. Sekiranya Pihak Kedua gagal atau cuai tidak beroperasi mengikut syarat pihak pertama pada tempoh yang munasabah, pihak pertama berhak untuk membatalkan operasi pihak kedua.
3. PIHAK KEDUA BERSETUJU DENGAN PIHAK PERTAMA syarat-syarat seperti berikut:
  - a) Membayar segala bil air, elektrik, infrastruktur, dan apa-apa sahaja bayaran berkaitan dengan Premis dan timbang.
  - b) Mbenarkan Pihak Pertama atau wakilnya pada bila-bila masa yang munasabah setelah diberitahu atau dengan pengetahuan Pihak Pertama untuk memasuki premis tersebut bagi tujuan melihat dan meneliti premis.
  - c) Sentiasa menjaga kebersihan premis tersebut samada dibahagian dalam atau luar.

- d) Tidak melakukan serah hak, pengambilalihan perniagaan dan/atau melepaskan semua atau sebahagian daripada pemilikan ke atas premis tersebut tanpa kebenaran bertulis daripada Pihak Pertama.
  - e) Tidak membuat atau membenarkan apa-apa penambahan atau pengubahsuaian dilakukan ke atas premis tersebut kecuali seperti yang telah dipersetujui oleh Pihak Pertama.
  - f) Pada akhir tempoh penamatan atau pembatalan yang lebih awal Pihak Kedua hendaklah dengan secara baik dan aman meninggalkan premis tersebut dan DENGAN KEBENARAN Pihak Pertama mengalihkan, menanggalkan dan mengeluarkan segala pembahagian tambahan atau pembinaan-pembinaan atau kelengkapan-kelengkapan yang dipasang oleh Pihak Kedua dan segala kerosakan kesan dari penanggalan dan pengalihan hendaklah dibaiki oleh Pihak Kedua kepada Pihak Pertama dan memuaskan Pihak Pertama.
  - g) Tidak menyimpan atau membawa masuk apa-apa senjata api atau alat-alat letupan dimana-mana bahagian premis tersebut.
  - h) Tidak melakukan, membiarkan atau membenarkan berlakunya perkara-perkara yang boleh merosakkan ketenteraman awam atau perkara-perkara yang menyalahi dan tidak melakukan apa-apa perkara yang boleh menyebabkan kacau ganggu kepada Pihak Pertama, penghuni-penghuni dan/atau jiran-jiran atau apa-apa yang boleh menghalang pematuhan apa-apa syarat yang terkandung di dalam mana-mana Perjanjian yang berkaitan dengan premis tersebut yang mengikat Pihak Pertama.
  - i) Pihak Kedua hendaklah menyerahkan premis tersebut termasuk peralatan di dalamnya dengan keadaan yang baik setelah tamat pengambilalihan perniagaan.
4. Sekiranya Pihak Kedua tidak lagi mematuhi syarat-syarat dan tanggungjawab di bawah perjanjian ini ataupun Pihak Kedua diisyiharkan bankrap ataupun tindakan undang-undang telah diambil oleh Mahkamah terhadap Pihak Kedua dan barang-barang yang ada di dalam premis tersebut, Pihak Pertama berhak dengan serta-merta menamatkan Perjanjian ini seolah-olah Notis bertulis telah diserahkan kepada Pihak Kedua dan Pihak Pertama berhak memasuki premis tersebut tanpa prasangka kepada Pihak Pertama untuk bertindak.
5. Walau apa pun Peruntukan Perjanjian ini, Pihak Pertama boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberikan notis tidak kurang daripada 30 hari kepada Pihak Kedua (tanpa apa-apa obligasi untuk memberikan sebarang alasan).

6. Sekiranya Premis tersebut atau mana-mana bahagiannya hilang atau kecuriaan (seperti sistem timbang berkomputer dan kompenan-kompenannya, alatan-alatan dan kelengkapan-kelengkapan pejabat berkaitan perniagaan) maka bayaran ganti rugi atau ganti semula dikenakan kepada "Pihak Kedua" dan adalah tertakluk kepada runding cara kedua-dua pihak.
7. Sekiranya premis tersebut atau mana-mana bahagiannya musnah disebabkan oleh kebakaran atau apa-apa bencana lain dan ianya tidak boleh digunakan, maka Pihak Kedua bertanggungjawab sepenuhnya.
8. Bayaran cukai setem, bayaran guaman dan lain-lain perbelanjaan penyediaan Perjanjian ini akan dibayar oleh Pihak Kedua.

SEBAGAI MENYAKSIKAN PERJANJIAN INI maka kedua-dua pihak menurunkan tandatangan mereka pada tarikh yang dinyatakan di atas ini.

PIHAK PERTAMA

PIHAK KEDUA

.....  
Nama:

Tarikh:

.....  
Nama:

Tarikh:

SAKSI PERTAMA

SAKSI KEDUA

.....  
Nama:

.....  
Nama:

Tarikh:

Tarikh:

